

Sungai bukan tong sampah

» Orang ramai perlu ubah sikap supaya sumber air tidak terjejas

Oleh Shukor Kasim

bhnews@bharian.com.my

► Alor Gajah

Sikap masyarakat yang menjadikan sungai sebagai tong sampah bergerak perlu dihentikan segera kerana perbuatan itu menjejaskan kualiti hidup masyarakat dan sumber bekalan air untuk jangka panjang.

Selain itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) juga terpaksa membelanjakan wang yang banyak semata-mata untuk membersihkannya daripada dicemari pelbagai sampah sarap dan bahan buangan.

Kos pembersihan tinggi

Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Melaka, Datuk Abdul Ghafaar Atan, berkata kos tinggi dibelanjakan untuk membersihkan sungai



Abdul Ghafaar (tengah) melepaskan anak ikan ke dalam Sungai Gadek pada pelancaran **program Kesedaran Alam Sekitar dan Cintai Sungai** di Taman Rekreasi Sungai Kampung Gadek.

[FOTO SHUKOR KASIM/BH]

setiap tahun.

"Masalah ini dapat diatasi jika orang ramai lebih bertanggungjawab dan tidak menjadikan sungai sebagai tempat pembuangan sampah," katanya pada program Kesedaran Alam Sekitar dan Cintai Sungai bersama komuniti di Taman Rekreasi Sungai Kampung Gadek, di sini, semalam.

Program JKKK, JPS

Program anjuran Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK,) Kampung Gadek itu turut dihadiri, Timbalan Pengarah Operasi JPS, Ahmad Fazili Abd Hamid; Timbalan Pengarah Pembangunan JPS, Kamaruddin Sahibun dan Pengerusi JKKK Kampung Gadek, Ismail Latip.

Pada majlis itu, Abdul Ghafaar turut melepaskan anak ikan dan bebola lumpur mengandungi organisma efektif (EM) ke dalam sungai.

Sementara itu, Abdul Ghafaar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gadek memuji langkah JPS memilih sungai kampung terbabit sekali gus dapat meningkatkan kesedaran alam sekitar dan cintai sungai di kalangan masyarakat.